

05 AUG 2002

Zam-Media (bergambar)

MEDIA BERHAK SUARAKAN PANDANGAN MENGENAI HUKUM HUDUD

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Semua media pelbagai bahasa berhak menyuarakan pandangan masing-masing dan memberikan reaksi berhubung pelaksanaan hukum hudud di Terengganu dan Kelantan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata, media tidak boleh dipersalahkan apabila menjadikan pelaksanaan hukum hudud di Terengganu sebagai satu isu kerana ia lahir dari kebimbangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata isu berkenaan menjadi hangat bukan kerana "dimainkan" oleh media, tetapi disebabkan pendirian Pas sendiri yang menimbulkan banyak kekeliruan dan salah faham di kalangan masyarakat bukan Islam.

"Pas tidak boleh mempersalahkan media dalam hal ini kerana isu hukum hudud ini menjadi hangat akibat kepongahan dan keangkuhan mereka sendiri dalam melaksanakan hukum berkenaan tanpa merujuk kepada pihak yang lebih arif.

"Semua reaksi yang dilahirkan oleh media adalah spontan dan munasabah, hasil suara rakyat yang bimbang dan keliru mengenai pelaksanaan hukum ini," katanya semasa berucap pada perhimpunan bulanan kementerian di Angkasapuri di sini.

Zainuddin berkata kerajaan tidak pernah menolak apatah lagi mempersoalkan undang-undang hudud yang merupakan hukum Allah, tetapi pelaksanaan undang-undang hudud mengikut budi bicara Pas mengandungi banyak percanggahan ekoran penggubalannya yang dibuat secara tergesa-gesa.

"Sekyen 9 rang undang-undangnya dikatakan telah menzalimi dan menganiayai kaum wanita Islam di negara ini.

"Inilah antara perkara yang dipertikaikan oleh masyarakat awam termasuk ketakutan masyarakat bukan Islam kerana undang-undang ini akan turut dikuatkuasakan ke atas mereka," katanya.

Sementara itu, Zainuddin turut menggesa Radio Televisyen Malaysia (RTM) supaya bersiap sedia dalam mematuhi saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menyiarkan secara langsung acara Jelajah Le Tour de Langkawi (LTdL) ke seluruh dunia.

Katanya, langkah berkenaan bukan sahaja dapat mempromosi nama Malaysia kepada kira-kira 600 juta penonton televisyen seluruh dunia, tetapi juga dapat meletakkan RTM setaraf dengan media penyiaran antarabangsa terutamanya dari segi teknikal.

-- BERNAMA

SOP MFJ ROS